



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN
(National Union Of The Teaching Profession)
CAWANGAN JOHOR

Wisma KPPK, No. 1-11, Jalan Indah 2,
Taman Indah, Sungai Abong,
84000 Muar, Johor.

Tel : 06-951 2030
E-mail : kppkjohor@gmail.com
www.kppkjohor.net.my

Bil. Kami : (1) dlm.KPPK(J)/PP(IP)/2026-2029

Tarikh : 30 Jun 2026

Kepada:
Wakil Sekolah
NUTP Cawangan Johor

Saudara/Saudari,

**KERTAS UNDI PEMILIHAN PEGAWAI-PEGAWAI TERTINGGI IBUPEJABAT
NUTP BAGI SESI 2026-2029**

NUTP Cawangan Johor sedang menjalankan pengundian untuk Pemilihan Pegawai-Pegawai Tertinggi Ibupejabat NUTP bagi sesi 2026-2029.

2. Untuk itu, bersama-sama ini dilampirkan senarai keahlian NUTP di sekolah saudara/saudari yang layak menerima kertas undi dan mengundi. Turut disertakan adalah sampul surat dan kertas undi yang mencukupi.

3. Saudara/saudari diminta untuk mengedarkan kertas-kertas undi tersebut kepada ahli-ahli NUTP yang berkenaan.

4. Harap maklum, tarikh tutup pengundian dan kembalian kertas undi melalui pos ke pejabat NUTP Cawangan Johor adalah pada 24 Julai 2026 jam 5.00 petang. Manakala ahli-ahli yang ingin menghantar sendiri kertas undi mereka ke pejabat NUTP Cawangan Johor, tarikh tutup adalah pada 31 Julai 2026 jam 5.00 petang.

Sekian, harap maklum. Terima kasih.

“NUTP PELINDUNG & PEMBELA GURU DULU, KINI & SELAMANYA”

Yang ikhlas,


TAN YING SHAN
Setiausaha
NUTP Cawangan Johor

s.k. : Setiausaha Agung, NUTP Semenanjung Malaysia.
Pengerusi, NUTP Cawangan Johor.